

**AMALAN PENGAJARAN TILAWAH AL-QURAN BERKESAN
DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM**

MOHD NAHI BIN ABDULLAH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

AMALAN PENGAJARAN TILAWAH AL-QURAN BERKESAN DALAM
KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM

MOHD NAHI BIN ABDULLAH

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Ijazah
Doktor Falsafah

Falkuti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

MAC 2018

DEDIKASI

Dengan Nama Allah Yang maha Pemurah, Lagi Maha Mengasihani

Ingatan Setulus kasih dan ikhlas buat Ayahanda dan Ibunda Tercinta:

Haji Abdullah Bin Ismail

Hajah Zawiah Binti Daud

Permaisuri Hati:

Nor Azizah Binti Hamat

Anak-anak Penyejuk Mata:

Najlaa Ibtisam, Abdul Hakim, Nurfaqihah, Nur Aisyah, Ahmad Bukhari

Muhammad Luqman, Amir Muaz, Husna Najihah

Segala sokongan dan dokongan yang telah diberikan mudahan menjadi amalan
kebaikan yang diterima oleh Allah SWT

Amin Ya Raba al-Alamin

PENGHARGAAN SEKALUNG BUDI

Alhamdulillah, segala syukur dan puji dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan limpahan rahmat dan keizinanNya penulis dapat menyiapkan tesis ini.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah pembimbing Dr. Abdul Hafiz bin Abdullah di atas segala curahan ilmu yang telah diberikan. Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Azhar Mohamed dan pensyarah-pensyarah di Fakulti Tamadun Islam UTM.

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah skim Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kerana telah memberi peluang dan ruang kepada penulis menyambung pengajian ke peringkat PhD.

Kepada rakan-rakan seperjuangan Ust Azrol, Ust Azman, Ust Nasri yang banyak memberi motivasi dan semangat kepada saya untuk memperolehi segulung ijazah PhD. Jasa dan sumbangan kalian tidak akan dilupakan sepanjang hayat.

Akhir sekali kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya dalam penulisan ini ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan. Jasa dan budi kalian hanya Allah jua yang mampu membalasnya.

ABSTRAK

Amalan pengajaran guru berkesan dilihat suatu usaha yang amat penting dalam memastikan peningkatan kualiti pendidikan negara. Pengajaran yang kurang berkesan memberi impak yang besar dalam melahirkan modal insan yang berkualiti serta generasi yang celik al-Quran seperti yang diharapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji amalan pengajaran Tilawah al-Quran berkesan dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) negeri Kelantan dalam aspek amalan set induksi, perkembangan pengajaran, kaedah pengajaran, penggunaan BBM, dan amalan pelaksanaan penutup. Kajian ini juga mengenalpasti amalan sokongan yang mendorong kepada keberkesanan pengajaran Tilawah al-Quran. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kualitatif dan disokong oleh data kuantitatif. Seramai lima orang guru Pendidikan Islam SABK dipilih sebagai responden temu bual kajian. Data verbatim temu bual ini dianalisis dengan menggunakan perisian N'Vivo 8.0 bagi mengenal pasti bentuk amalan dan elemen sokongan keberkesanan pengajaran guru dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Selain itu, seramai 150 orang pelajar tingkatan empat telah dipilih secara persampelan bertujuan untuk melihat amalan pengajaran Tilawah al-Quran berkesan dalam kalangan GPISABK. Instrumen soalselidik telah digunakan untuk mengutip data dan dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS Versi 20.0. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa ciri-ciri pengamalan pengajaran Tilawah al-Quran berkesan dalam kalangan GPISABK dari aspek amalan set induksi adalah berkait rapat dengan pendekatan memperkenalkan tajuk. Manakala perkembangan pengajaran pula, GPISABK lebih memberi tumpuan kepada penglibatan pelajar secara aktif. Dari aspek penggunaan BBM, buku teks menjadi rujukan utama manakala kaedah pengajaran yang kerap digunakan dalam pengajaran Tilawah al-Quran ialah kaedah *Talaqqi Mushafahah*, dan elemen sokongan keberkesanan pengajaran GPISABK dalam Tilawah al-Quran ialah akhlak dan sahsiah guru. Implikasi kajian ini menghasilkan enam model amalan pengajaran Tilawah al-Quran berkesan GPISABK, iaitu Model Amalan Set Induksi (MASIGPISABK), Model Amalan Perkembangan Pengajaran (MAPPGPISABK), Model Amalan Pelaksanaan Penutup (MAPPGPISABK), Model Amalan Penggunaan BBM (MAPBBMGISABK), Model Amalan Kaedah Pengajaran (MAKPGPISABK), dan Model Amalan Sahsiah (MASGPISABK).

ABSTRACT

The practice of an effective teaching is an important effort in ensuring the quality of education in the country. Less effective teaching gives a huge impact in producing a good quality of humanity and well-known generation of al-Quran as expected by the Ministry of Education Malaysia. The aim of this study is to examine the effective teacher teaching of Tilawah Al-Quran among the Islamic Education Teachers (GPI) in the Government-aided Religious in Kelantan state in the aspect of induction sets, teaching developments, teaching methods, BBM usage and closing practice. This study also focus on the supporting that practices lead to the effectiveness in the teaching of al-Quran. This study is a survey that takes a qualitative approach and is supported by quantitative data. Five SABK Islamic Education teachers were chosen as respondents in the interview of the survey. The verbatim interview data was analyzed using the N'Vivo 8.0 software to identify the practice structure and the supporting element to the effectiveness in the teaching of al-Quran. In addition a total of 150 students from form four were chosen from sampling in order to observe the effectiveness of the practice teaching of al-Quran among GPISABK. The questionnaire instrument were used in collecting the data and were analyzed descriptively by using SPSS 20.0 software. Overall, the findings show that the effectiveness of the teaching in Tilawah al-Quran among GPISABK in terms of the induction set practice in relevance to the introduction of the title. Whereas, in terms of development in teaching. GPISABK more focuses on student involvements. From the aspect of using the BBM textbook as a main reference, the teaching method that used frequently in the teaching of Tilawah al-Quran in the Talaqqi Musafahah, and supporting element for the effectiveness of teaching in Tilawah Al-Quran of GPISABK in the teachers personality and good moral. The implications of this study resulted in the six effective practice models of GPISABK namely induction set Practice Model (MASIGPISABK) Teaching Development Model (MAPPGPISABK), Closing Implementation Practice Model (MAPPGPISABK), BBM Practice Model (MAPBBMGPIASABK), Teaching Method Practice Model (MAKPGPISABK) and Personality Practice Model (MASGPISABK).

KANDUNGAN

| BAB | PERKARA | MUKA SURAT |
|------------|---|-------------------|
| | PENAKUAN PELAJAR | ii |
| | DEDIKASI | iii |
| | PENGHARGAAN SEKALUNG BUDI | iv |
| | ABSTRAK | v |
| | ABSTRACT | vi |
| | KANDUNGAN | vii |
| | SENARAI JADUAL | xi |
| | SENARAI RAJAH | xiii |
| | SENARAI SINGKATAN | xv |
| | SENARAI LAMPIRAN | xvii |
| 1 | Pengenalan | 1 |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Masalah Kajian | 1 |
| | 1.2.1 Konsep Amalan Pengajaran Berkesan | 3 |
| | 1.3 Pernyataan Masalah | 6 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 11 |
| | 1.5 Persoalan Kajian | 12 |
| | 1.6 Kepentingan Kajian | 12 |
| | 1.7 Kerangka Konseptual Kajian | 15 |
| | 1.8 Kerangka Teori Kajian | 17 |
| | 1.8 Batasan Kajian | 18 |
| | 1.10 Definisi Operasional | 19 |
| | 1.10.1 Amalan Pengajaran | 20 |
| | 1.10.2 Amalan Pengajaran Berkesan | 20 |

| | | |
|----------|---|-----------|
| 1.10.3 | Amalan Pengajaran Tilawah al-Quran | 23 |
| 1.10.4 | Guru Pendidikan Islam | 23 |
| 1.10.5 | Bidang Tilawah al-Quran | 24 |
| 1.11 | Penutup | 25 |
| 2 | TINJAUAN LITERATUR | 26 |
| 2.1 | Pendahuluan | 26 |
| 2.2 | Pengertian al-Quran | 26 |
| 2.3 | Matlamat dan Tujuan Pendidikan al-Quran | 28 |
| 2.4 | Pendidikan al-Quran dalam KBSR dan KBSM | 33 |
| 2.5 | Kaedah dan Model Pengajaran Berkesan | 35 |
| 2.6 | Proses Pengajaran Berkesan | 44 |
| 2.7 | Kaedah dan Teknik Pengajaran | 49 |
| 2.7.1 | Kaedah Pengajaran Tilawah al-Quran | 51 |
| 2.8 | Elemen Sokongan Keberkesanan Pengajaran | 58 |
| 2.8.1 | Strategi Pembelajaran | 58 |
| 2.8.2 | Pengetahuan Ilmu Pedagogi | 59 |
| 2.8.3 | Komunikasi Berkesan | 60 |
| 2.8.4 | Memupuk Minat dan Motivasi Murid | 63 |
| 2.8.5 | Perancangan Pengajaran | 64 |
| 2.8.6 | Kesesuaian Pemilihan Model Pengajaran | 65 |
| 2.8.7 | Kreativiti Pengajaran Guru | 66 |
| 2.8.8 | Merancang Pengajaran Aktif | 69 |
| 2.8.9 | Teknik Pengajaran Kreatif | 71 |
| 2.8.10 | Aplikasi Pengajaran dan Pembelajaran Kreatif | 74 |
| 2.8.11 | Sahsiah Guru | 76 |
| 2.9 | Kajian Berkaitan Pengajaran Dan pembelajaran Berkesan | 80 |
| 2.10 | Kajian Berkaitan Pengajaran Dan Pembelajaran al-Quran | 81 |
| 2.11 | Penutup | 84 |
| 3 | METODOLOGI KAJIAN | 85 |
| 3.1 | Pendahuluan | 85 |

| | | |
|----------|---|------------|
| 3.2 | Rakebentuk Kajian | 86 |
| 3.3 | Populasi dan Sampel Kajian | 87 |
| 3.3.1 | Pemilihan Guru | 88 |
| 3.3.2 | Pemilihan Pelajar | 88 |
| 3.4 | Lokasi Kajian | 90 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | 91 |
| 3.5.1 | Temubual | 92 |
| 3.5.2 | Soal selidik | 95 |
| 3.5.3 | Pemerhatian | 97 |
| 3.6 | Pengumpulan Data | 97 |
| 3.6.1 | Pengumpulan Data Kualitatif | 98 |
| 3.6.2 | Prosedur Pengumpulan Data Kualitatif | 99 |
| 3.7 | Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrument | 100 |
| 3.7.1 | Kesahan Dan Kebolehpercayaan Data Kualitatif | 101 |
| 3.7.2 | Kesahan Dan Kebolehpercayaan Data Kuantitatif | 105 |
| 3.8 | Penganalisan Data | 110 |
| 3.8.1 | Data Kualitatif | 110 |
| 3.8.2 | Data Kuantitatif | 111 |
| 3.9 | Penutup | 111 |
| 4 | DAPATAN KAJIAN | 112 |
| 4.1 | Pengenalan | 112 |
| 4.2 | Latar Belakang GPI SABK | 112 |
| 4.3 | Dapatan Kajian Bahagian B | 118 |
| 4.3.1 | Dapatan Data Kualitatif (Perspektif Guru) | 118 |
| 4.3.2 | Dapatan Data Kuantitatif (Perspektif Pelajar) | 143 |
| 4.4 | Penutup | 159 |
| 5 | PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN | 160 |
| 5.1 | Pendahuluan | 160 |

| | | |
|--------|--|----------------|
| 5.2 | Rumusan Kajian | 160 |
| 5.3 | Perbincangan Dapatan Kajian | 162 |
| 5.3.1 | Persepsi Umum GPISABK Tentang Pengajaran Berkesan | 163 |
| 5.3.2 | Persepsi GPISABK Tentang Perancangan Pengajaran Berkesan | 164 |
| 5.3.3 | Persepsi GPISABK Tentang Pelaksanaan Pengajaran Berkesan | 165 |
| 5.3.4 | Pelaksanaan Set Induksi Dalam Pengajaran Tilawah al-Quran | 166 |
| 5.3.5 | Pelaksanaan Perkembangan dalam Pengajaran Tilawah al-Quran | 167 |
| 5.3.6 | Pelaksanaan Penutup dalam Pengajaran Tilawah al-Quran | 168 |
| 5.3.7 | Penggunaan BBM dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran | 170 |
| 5.3.8 | Kaedah dan Teknik Pengajaran Tilawah al-Quran | 171 |
| 5.3.9 | Sahsiah GPISABK dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran | 172 |
| 5.3.10 | Elemen Sokongan Keberkesanan Pengajaran GPISABK dalam Tilawah al-Quran | 174 |
| 5.4 | Implikasi Kajian | 177 |
| 5.4.1 | Aspek Teori Dan Penghasilan Model Daripada dapatan Kajian | 181 |
| 5.4.2 | Penemuan Ciri Baru Kajian Dalam Pembangunan Pendidikan | 189 |
| 5.5 | Cadangan Dan Kajian Lanjutan | 193 |
| 5.6 | Penutup | 195 |
| | RUJUKAN | 196 |
| | Lampiran A-G | 208-232 |

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------|---|------------|
| 3.1 | Saiz Sampel Untuk Pelbagai Populasi Krejecie & Morgan 1970 | 89 |
| 3.2 | Senarai Nama Sekolah (SABK) Negeri Kelantan | 91 |
| 3.3 | Inventori protokol Temu Bual | 94 |
| 3.4 | Permarkahan Skala Likert | 96 |
| 3.5 | Indikator Tahap Persetujuan cohen Kappa | 104 |
| 3.6 | Pengesahan Pakar (Kandungan Muka) | 106 |
| 3.7 | Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach | 108 |
| 3.8 | Dapatan Nilai Pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach Dalam Rintis | 109 |
| 4.1 | Perbandingan Latar Belakang GPISABK Di Sekolah (1-5) Dari Segi Aspek Umur, Tahap Pendidikan,Tempoh Berkhidmat di KPM dan SABK, Kursus Dalam Bidang Quran,Anugerah yang Pernah Diperolehi dan Sumbangan Dalam Bidang al-Quran. | 113 |
| 4.2 | Pengetahuan Umum GPISABK Tentang Pengajaran Berkesan Tilawah al-Quran | 119 |
| 4.3 | Perancangan Pengajaran Tilawah al-Quran Berkesan GPISABK | 121 |
| 4.4 | Pelaksanaan pengajaran tilawah Al-quran Berkesan GPISABK | 123 |
| 4.5 | Pelaksanaan Amalan Set Induksi Dalam Kalangan GPISABK | 125 |
| 4.6 | Amalan Pelaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran GPISABK | 130 |
| 4.7 | Amalan Pelaksanaan Penutup Pengajaran Tilawah al-Quran GPISABK | 133 |

| | | |
|------|--|-----|
| 4.8 | Penggunaan BBM Dalam Pengajaran Tiawah al-Quran GPISABK | 135 |
| 4.9 | Amalan Kaedah Dan Teknik Pengajaran Tilawah al-Quran GPISABK | 138 |
| 4.10 | Amalan Elemen Sokongan Pengajaran Tilawah al-Quran Berkesan GPISABK | 141 |
| 4.11 | Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Jantina | 144 |
| 4.12 | Tahap Penguasaan al-Quran Pelajar GPISABK | 145 |
| 4.13 | Tempat Tinggal Pelajar GPISABK | 145 |
| 4.14 | Interpretasi Skor Purata (Skala Likert 5) | 145 |
| 4.15 | Kekerapan, Peratusan , Min Amalan Pelaksanaan Set Induksi GPISABK Dalam Tilawah al-Quran | 146 |
| 4.16 | Kekerapan, Peratusan, Min Amalan Pelaksanaan Pengajaran GPISABK Dalam Tilawah al-Quran | 148 |
| 4.17 | Kekerapan, Peratusan, Min Amalan Penggunaan BBM GPISABK Dalam Tilawah al-Quran | 151 |
| 4.18 | Kekerapan, Peratusan,Min Amalan Pelaksanaan Penutup GPISABK Dalam Tilawah al-Quran | 151 |
| 4.19 | Kekerapan,Peratusan,Min Sahsiah GPISABK Dalam Pengajaran Tilawah al-Quran | 155 |
| 4.20 | Kekerapan, Peratusan, Min Kaedah Pengajaran GPISABK Dalam Pengajaran Tilawah al-Quran | 157 |

SENARAI RAJAH

| NO. RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|-----------|--|------------|
| 1.1 | Kerangka Konseptual Kajian Amalan Pengajaran Tilawah Al- Quran Dalam Kalangan GPISABK | 16 |
| 1.2 | Kerangka Teori Kajian Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Al-Ghazali | 17 |
| 3.1 | Proses Pengumpulan Data Kualitatif Dan Kuantitatif | 99 |
| 3.2 | Gambaran Proses Pembinaan dan Pengukuran Instrumen | 101 |
| 4.1 | Pola Pengetahuan GPISABK Tentang Amalan Pengajaran Tilawah al-Quran Berkesan | 120 |
| 4.2 | Pola Pengetahuan GPISABK Tentang Perancangan Pengajaran Tilawah al-Quran Berkesan | 123 |
| 4.3 | Pola Pengetahuan GPISABK Tentang Pelaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran Berkesan | 125 |
| 4.4 | Pola Amalan Pelaksanaan Set Induksi Dalam Kalangan GPISABK | 130 |
| 4.5 | Pola Amalan Pelaksanaan Pengajaran Berkesan Dalam Kalangan GPISABK | 132 |
| 4.6 | Pola Amalan Pelaksanaan Penutup Pengajaran Dalam Kalangan GPISABK | 135 |
| 4.7 | Pola Amalan Penggunaan BBM Dalam Kalangan GPISABK | 137 |
| 4.8 | Pola Amalan Kaedah Dan Teknik Pengajaran Tilawah Al-Quran GPISABK | 140 |
| 4.9 | Pola Amalan Elemen Sampingan Pengajaran Berkesan GPISABK | 143 |
| 5.1 | Hubungan di Antara Pengetahuan, Amalan dan Elemen Sokongan Ke Arah Pengajaran Berkesan GPISABK | 161 |
| 5.2 | Model Amalan Set Induksi GPISABK | 181 |
| 5.3 | Model Amalan Pelaksanaan Pengajaran Berkesan GPISABK | 184 |

| | | |
|-----|--|-----|
| 5.4 | Model Pelaksanaan Penutup Pengajaran Tilawah al-Quran GPISABK | 186 |
| 5.5 | Model Penggunaan BBM Pengajaran Tilawah al-Quran GPISABK | 187 |
| 5.6 | Model Kaedah Dan Teknik Pengajaran Tilawah al-Quran GPISABK | 188 |
| 5.7 | Model Amalan Sahsiah GPISABK Dalam Pengajaran Tilawah al-Quran | 190 |
| 5.8 | Model Elemen Sokongan Amalan Pengajaran Berkesan GPISABK | 192 |

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|---------|---|--|
| % | - | Peratusan |
| & | - | Dan |
| / | - | Atau |
| APC | - | Anugerah Perkhidmatan Cemerlang |
| BBM | - | Bahan Bantu Mengajar |
| Bil | - | Bilangan |
| BPI | - | Bahagian Pendidikan Islam |
| BPPP | - | Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Pendidikan |
| Dll | - | Dan lain-lain |
| Dr | - | Doktor |
| Dsb | - | dan sebagainya |
| Et al. | - | <i>(et. alia): and others</i> |
| FPI | - | Falsafah Pendidikan Islam |
| FPK | - | Falsafah Pendidikan Kebangsaan |
| Hlm. | - | Halaman |
| ICT | - | <i>Information and communication Technology</i> |
| JPN | - | Jabatan Pelajaran Negeri |
| Juz. | - | Juzuk |
| KBSM | - | Kurikulu Bersepadu Sekolah Menengah |
| KBSR | - | Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah |
| L | - | Lelaki |
| MASIGPI | - | Model Amalan Set Induksi Guru Pendidikan Islam |
| MAPPGPI | - | Model Amalan Perkembangan Pengajaran Guru Pendidikan Islam |

| | | |
|-----------|---|--|
| MAPPGPI | - | Model Amalan Perkembangan Penutup Guru Pendidikan Islam |
| MAPBBMGPI | - | Model Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Guru Pendidikan Islam |
| MAKPGPI | - | Model Amalan Kaedah Pengajaran Guru Pendidikan Islam |
| MASGPI | - | Model Amalan Sahsiah Guru Pendidikan Islam |
| MESAPB | - | Model Elemen Sampingan Amalan Pengajaran Berkesan |
| GPI | - | Guru Pendidikan Islam |
| SAW | - | <i>SallalLah 'Alaihi Wa Sallam</i> |
| SWT | - | <i>Subhanah wa Ta'ala</i> |
| S1 | - | Sekolah Satu |
| S2 | - | Sekolah Dua |
| S3 | - | Sekolah Tiga |
| S4 | - | Sekolah Empat |
| S5 | - | Sekolah Lima |
| G1 | - | Guru Satu |
| G2 | - | Guru Dua |
| G3 | - | Guru Tiga |
| G4 | - | Guru Empat |
| G5 | - | Guru Lima |
| Sdn.Bhd | - | Sendirian Berhad |
| SABK | - | Sekolah Agama Bantuan Kerajaan |
| SMK | - | Sekolah Menengah Kebangsaan |
| t.th | - | Tanpa tarikh |
| UKM | - | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| UM | - | Universiti Malaya |
| UIA | - | Universiti Islam Antarabangsa |
| P | - | Perempuan |
| PdP | - | Pengajaran dan Pembelajaran |

SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK | MUKA SURAT |
|-----------------|---|-------------------|
| A | Soal Selidik Kajian | 208 |
| B | Inventori Protokol Temubual | 214 |
| C | Senarai Semak Amalan Pengajaran GPISABK | 219 |
| D | Borang Pengesahan Pakar | 223 |
| E | Jadual Matrik <i>Open Coding</i> | 226 |
| F | Surat Kelulusan Menjalankan Kajian | 229 |
| G | Borang Pengesahan Tema Konstruk | 230 |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan latar belakang kajian yang menyentuh tentang kepentingan pengajaran guru yang berkesan dalam sistem pendidikan di Malaysia dan diikuti dengan perbincangan lanjut tentang pernyataan masalah yang memfokuskan keberkesanan pengajaran guru Pendidikan Islam SABK dalam mata pelajaran Tilawah al-Quran. Turut dibincang dalam bab ini juga ialah tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian serta definisi operasional bagi kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sejak negara mencapai kemerdekaan 56 tahun lalu, pelbagai dasar pendidikan telah diperkenalkan. Bermula daripada Laporan Razak pada tahun 1956 sehingga kini, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, semuanya menuju ke arah matlamat yang sama iaitu memperbaiki dan meningkatkan kualiti pendidikan negara. Untuk mencapai hasrat tersebut, pihak sekolah berusaha secara berterusan menambah baik pencapaian murid seperti mana piawaian yang telah ditetapkan. Antaranya, terbit sebuah dokumen dipanggil Standard Guru Malaysia. Dokumen tersebut menekankan kepentingan negara untuk melahirkan guru cemerlang dalam

usaha kerajaan membangunkan modal insan kelas pertama bagi mencapai status negara maju pada tahun 2020 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Selanjutnya, salah satu mekanisme pengukur kepada pencapaian sesuatu piawaian adalah memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan. Hal tersebut dinyatakan oleh Hill (2005), Thorne dan Cuthbert (2006) bahawa kemuncak utama dalam sistem pendidikan adalah anggapan bahawa murid merupakan pelanggan utama. Tambah mereka lagi, pihak sekolah perlu prihatin dengan kebajikan murid dan salah satu cara menilai kepuasan mereka adalah menerusi proses mendapatkan maklum balas secara formal mahupun informal. Dengan kata lain, seseorang guru yang memasuki perkhidmatan keguruan telah dianggap sebagai pemberi perkhidmatan (Zeithaml, Berry & Parasuraman, 2003). Selanjutnya, salah satu kaedah untuk mengenal pasti guru telah memberikan perkhidmatan berkualiti adalah dengan mengenal pasti kemampuan guru memenuhi harapan murid (Prakash, 2004; Thompson & Sunol, 2004). Banyak kajian menekankan kepentingan memenuhi harapan murid. Misalnya, meningkatkan motivasi murid dengan kaedah pengajaran yang pelbagai (Brophy, 2003; Wineburg, 2000) dan meningkat serta mengekalkan pencapaian kecemerlangan murid (Steele, 2002).

Dalam menghadapi arus kemodenan dan kemajuan, guru seharusnya peka serta tidak ketinggalan dalam tugas dan peranannya untuk melahirkan modal insan yang berkualiti seperti yang dikehendaki oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Menurut Glatthorn dalam kajian Tengku Sarina Tengku Kassim (2008), kualiti pendidikan yang dicapai oleh murid-murid sekolah banyak bergantung kepada kualiti guru, kerana guru merupakan individu yang utama dalam mengimplementasikan kurikulum. Tanpa guru yang berkualiti, adalah sukar untuk menjayakan sebarang pembangunan dan pembentukan disiplin seperti yang telah dirancang.

Kerjaya sebagai guru memerlukan komitmen yang tinggi terutama guru Pendidikan Islam. Ini kerana Pendidikan Islam bermatlamat untuk melahirkan

insan yang soleh dan bertamadun, yang beriman serta beramal dengan ilmunya, serta mampu memikul tanggung jawab sebagai hamba dan khalifah Allah. Disamping itu juga Pendidikan Islam bermatlamat untuk membangun diri, keluarga, masyarakat dan negara yang merangkumi pelbagai aspek. Aspek jasmani, rohani, emosi dan intelek berdasarkan prinsip Islam seperti yang telah dinyatakan dalam al-Quran dan As-Sunnah perlu direalisasikan oleh guru Pendidikan Islam demi mencapai sebuah negara yang maju dan bertamadun.

1.2.1 Konsep Amalan Pengajaran Berkesan

Dalam pendidikan formal, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) haruslah diberi penekanan yang sewajarnya. Proses yang disinonimkan dengan pengajaran dan pembelajaran bilik darjah melibatkan guru dan pelajar sememangnya memerlukan suatu usaha berterusan ke arah menyediakan pendidikan komprehensif dan efektif terhadap segala isi pelajaran yang disampaikan. Proses pengajaran juga dikenali sebagai pedagogi dalam istilah pendidikan, ianya merujuk kepada kaedah dan prinsip pengajaran. Oleh itu, proses PdP perlu diberi 'sentuhan' yang dapat menarik minat para pelajar agar setiap isi pelajaran yang disampaikan memberi input maksimum terhadap kefahaman mereka.

Menurut Shabuddin Hashim dan Rohizani Yaakub (2007), Pengajaran ialah proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian, dan maklum balas yang mana melibatkan antara guru dan pelajar. Manakala Mok Soon Sang (2000), mendefinisikan pengajaran dalam konteks masa kini ialah sebagai proses, komunikasi, sains dan seni. Pengajaran juga ialah proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran supaya pelajar dapat mempelajari dan menguasainya dengan berkesan. Rahil Mahyuddin et al. (1997) pula mentakrifkan pengajaran sebagai proses melakukan pelbagai aktiviti dengan tujuan menghasilkan pembelajaran atau perubahan dalam tingkah laku pelajar. Sebagai contohnya, daripada individu itu tidak pandai kepada pandai, daripada tidak tahu kepada tahu, daripada mengetahui kepada memahami, daripada memahami

kepada mengaplikasikan, daripada analisis kepada sintesis dan seterusnya kepada penilaian.

Pengajaran juga ialah sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh guru dan muridnya. Tanpa salah satu daripadanya pengajaran tidak akan berlaku. Pengajaran dirancang oleh guru secara sistematik dengan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai bagi mencipta lingkungan yang memungkinkan terjadi proses belajar. Hasil daripada pengajaran berlakulah perubahan yang secara relatifnya kekal sama ada dalam bentuk yang eksplisit ataupun implicit (Shababuddin et al. 2003). Menurut Zawawi Hj. Ahmad (1992) pengajaran seorang guru bukanlah semata-mata dengan menyampaikan kandungan pelajaran yang dikuasainya itu kepada muridnya. Sekiranya guru hanya berbuat demikian maka langkah tersebut belum lagi menjamin prestasi pengajaran yang tinggi. Konsep pengajaran guru dan pembelajaran murid juga merupakan pendekatan yang positif bagi mengerakkan motivasi dalaman murid disamping menyampaikan isi pelajaran yang dikuasai oleh seorang guru. Sementara itu, Abd Ghafar Md. Din (2003) mengemukakan proses pengajaran berkesan mempunyai ciri-ciri sains kerana ia melibatkan penyelidikan, pemerhatian dan mempunyai rumusan-rumusan sebagaimana bidang sains. Proses ini juga melibatkan latihan sempurna bagi menghasilkan pengajaran yang menarik sekali gus menambah keyakinan guru. Di samping itu juga guru diistilahkan sebagai seorang seniman yang berfungsi sebagai seorang pelakon dengan menggunakan pergerakan badan, mimik muka dan tekanan suara yang sesuai bagi memenuhi kesempurnaan proses pengajaran yang dilakukan. Pengajaran guru yang berkesan juga mampu mewujudkan keceriaan, interaksi dan penglibatan murid, mewujudkan motivasi, minat dan sikap ingin tahu murid, mampu menyampaikan dan menghuraikan isi pelajaran dengan jelas, membuat ujian dan penilaian serta membuat tindakan susulan melalui pengayaan dan pemulihan (Mohamad Johdi 2009).

Bagi tujuan melahirkan pengajaran guru yang berkesan fokus sepenuhnya perlulah diberikan oleh guru terhadap proses pengajaran serta faktor-faktor yang mendorong kearahnya. Kaedah pengajaran yang dipilih haruslah mengambil kira

kecenderungan, kebolehan serta kemampuan peringkat kematangan pelajar berdasarkan peringkat umur dan kemampuan berfikir. Kaedah pengajaran yang baik akan dapat membantu pelajar mengikuti pengajaran dengan baik di samping memperolehi ilmu pengetahuan, kemahiran serta memupuk minat yang mendalam dalam diri pelajar. Disamping itu juga kepelbagaian kaedah yang disesuaikan mengikut tajuk serta tema juga dapat menarik perhatian para pelajar dan memberi impak yang maksimum terhadap pengajaran dan pembelajaran yang diikutinya. (Gardner, 2006).

Pengajaran yang berkesan juga bermaksud proses yang menggabungkan aspek kepercayaan dan pemikiran, pengetahuan dan pengamalan guru di bilik darjah. Bagi memahami bagaimana seseorang guru itu mengendalikan pengajarannya, maka penelitian kepada kepercayaan dan proses pemikiran guru itu adalah perlu kerana hal tersebut memberi kesan terhadap tindakan guru dalam bilik darjah. Kepercayaan bermaksud nilai, sikap, sistem konsep, teori peribadi dan juga perspektif tentang sesuatu (Gardner, 2006).

Pengajaran berkesan juga melibatkan proses perancangan, pelaksanaan dan penilaian. Menurut Rahil Mahyuddin et al. (1997) pada peringkat perancangan guru bertindak menentukan objektif pengajaran, menentukan alat bantu mengajar, memilih kaedah, memilih strategi dan pendekatan yang sesuai dengan tahap pelajar. Manakala pada peringkat pelaksanaan, guru menterjemahkan segala perancangan dalam bentuk aktiviti pengajaran berdasarkan kepada pelajar, bahan pengajaran, objektif pengajaran, masa, minat pelajar dan kemudahan yang ada. Seterusnya penilaian pula dijalankan sama ada sebelum, semasa atau selepas pengajaran. Tujuannya ialah mengukur sejauhmana keberkesanan pengajaran yang dijalankan di samping dapat mengenal pasti tahap pelajar supaya perancangan pengajaran akan datang dapat dirangka dengan lebih berkesan. Oleh itu para pendidik harus peka dalam perancangan pengajaran mereka dengan melibatkan ketiga-tiga proses ini bagi menghasilkan pengajaran yang berkesan.

Merujuk kepada amalan pengajaran Tilawah yang berkesan, maka guru Pendidikan Islam seharusnya memahami dengan jelas darisegi strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan semasa mengajar Tilawah al-Quran. Menurut Abdul Raof (1993), gabungan pelbagai aktiviti pengajaran yang melibatkan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik akan menghasilkan pengajaran yang berkesan dan menarik minat pelajar amat perlu untuk mencapai pengajaran yang berkesan.

Pengajaran guru yang berkesan juga berkait rapat dengan sifat dan ciri-ciri yang dimiliki oleh guru itu sendiri. Al-Nahlawi (1988) menyenaraikan antara ciri-ciri guru berteraskan ajaran Islam ialah perlunya para guru mempunyai pemikiran bersifat *Rabbani*. Selain daripada itu seseorang guru perlu ikhlas dalam segala usaha yang dilakukan dengan tujuan untuk mendapat keredhaan Allah SWT. Antara amalan lain yang perlu di beri perhatian juga ialah bersifat sabar serta bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas serta sentiasa bersifat jujur dengan apa yang disampaikan.

Rumusan kepada konsep guru berkesan ialah keupayaan guru dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran, menyediakan alat bantu mengajar (ABM) serta mendalami isi kandungan yang hendak di ajar. Selain itu, guru juga perlu mengetahui akan kebolehan pelajar menerima pelajaran, memberi motivasi kepada pelajar supaya belajar bersungguh-sungguh, dapat mengawal kelakuan pelajar, mengumpulkan pelajar mengikut kumpulan dan memberi penilaian atau ujian yang kerap kepada pelajar. Dengan kata lain konsep guru berkesan ialah kebolehan guru mengajar dengan baik dan berkesan serta dapat memotivasikan pelajar untuk kecemerlangan dalam bidang akademik.

1.3 Pernyataan Masalah

Guru memainkan peranan yang penting dalam menentukan keberkesanan dalam pengajaran. Walaupun sistem pendidikan adalah yang terbaik tetapi sebaliknya jika

guru sebagai agen yang menyampaikan pelajaran tidak berfungsi dengan efektif maka matlamat pendidikan tidak akan tercapai. Ini menunjukkan bahawa pengajaran guru di bilik darjah memainkan peranan penting dalam menentukan pencapaian dan kejayaan pelajar (Abdul Halim al-Muhammadi, 1991). Isu berkaitan dengan keberkesanan pengajaran GPI seringkali dibangkitkan dan menjadi isu hangat yang diperbincangan oleh pelbagai pihak. Persoalan yang seringkali dibangkitkan ialah sejauh manakah pendekatan dan kaedah PdP Pendidikan Islam yang dilaksanakan di sekolah dapat menarik perhatian pelajar untuk memahami, menilai sendiri dan seterusnya menghayati serta mengamalkan ajaran Islam? Begitu juga dengan persoalan sejauh manakah pendekatan dan kaedah PdP Pendidikan Islam ini membuka ruang yang luas bagi melahirkan generasi Muslim yang kritis dan kreatif serta mampu mengaitkan kepentingan ajaran Islam dengan bidang-bidang yang lebih luas dan realistik dalam kehidupan seharian mereka. Persoalan lain yang seringkali ditimbulkan juga adalah sejauhmana penguasaan guru pendidikan Islam berkaitan dengan ilmu kurikulum subjek pendidikan Islam dan adakah benar guru-guru Pendidikan Islam masih terlalu menekan pendekatan dogmatik dan jumud dalam pengajaran mereka yang dominan (Ab.Halim & Nik Mohd Rahimi, 2010). Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan dalam membuktikan wujudnya kelemahan pelajar yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam berpunca daripada permasalahan keberkesanan pengajaran guru sama ada melibatkan sekolah di bandar ataupun di luar bandar. Hal tersebut telah dibuktikan hasil dapatan daripada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh ramai penyelidik. Antaranya adalah kajian yang telah dijalankan oleh (Nik Rosila, 2007; Suhaimi, 2007; Mohd Yakub & Saidi, 2008).

Terdapat pelbagai kelemahan dalam aspek metodologi yang digunakan oleh GPI dalam pelaksanaan pengajaran pendidikan Islam. Antara amalan pengajaran yang biasa menjadi amalan GPI ialah kaedah konvensional atau kaedah pasif. Antara kajian yang menyokong kenyataan tersebut adalah kajian yang telah dijalankan oleh Hatifah (2000). Hasil kajian beliau mendapati bahawa 80% responden daripada guru-guru Pendidikan Islam menyatakan mereka kerap atau sangat kerap menggunakan kaedah tersebut walaupun kaedah tersebut kurang memberi kesan dan membosankan pelajar. Ab. Halim Tamuri et.al (2004) dalam

kajian beliau juga menjelaskan bahawa masih ramai dalam kalangan guru pendidikan Islam masih menggunakan kaedah lama dan kurang memberi kesan dalam pengajaran. Antara bentuk pengajaran yang sering dilaksanakan oleh GPI ialah kaedah kuliah dan penerangan khususnya dalam sesi pembelajaran Tilawah al-Quran. Kaedah yang digunakan tersebut adalah kaedah yang berpusatkan guru dimana pelajar kurang dilibatkan dengan aktif dalam sesi pembelajaran. Kesan daripada kaedah pembelajaran yang dijalankan oleh guru tersebut telah memberi impak yang besar kepada penguasaan Tilawah al-Quran pelajar. Hasil kajian beliau mendapati terhadap 89 daripada 91 orang pelajar yang ditemubual di dua puluh buah di negeri Selangor, Perak dan Terengganu menjelaskan bahawa kaedah pengajaran yang kerap digunakan guru ialah kaedah kuliah dan penerangan. Hasil dapatan kajian tersebut juga menjelaskan bahawa kaedah pengajaran berbentuk kuliah dan penerangan merupakan kaedah yang paling kerap digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Qur'an dengan nilai min (3.04) berbanding dengan bentuk kaedah pengajaran yang lain. Dapatan kajian di atas juga disokong oleh Mohd Alwi Yusuf et. al. (2003) yang menjelaskan bahawa GPI tidak mempelbagaikan cara pengajaran terutama dengan menggunakan teknik-teknik terkini seperti penggunaan ABM seperti LCD, komputer dan sebagainya. Guru tidak mampu mempelbagaikan pengajaran disebabkan kurang latihan dan pendedahan daripada Kementerian Pendidikan. terutama dalam pendekatan, strategi dan teknik pengajaran al-Qur'an di bilik darjah. Manakala menurut kajian yang dijalankan oleh Ab. Halim (2000) dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat di Selangor dan Negeri Sembilan juga mendapati bahawa pelajar menghadapi masalah dalam pengajaran yang disampaikan oleh GPI.

Penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran merupakan aspek penting dalam menentukan keberkesanan pengajaran guru. Penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran akan menjadikan proses pembelajaran itu berjalan dalam suasana seronok dan ceria. Keseronokan dan keceriaan suasana pembelajaran akan mendorong kepada keberkesanan hasil pembelajaran. Namun terdapat beberapa kajian yang menunjukkan guru pendidikan Islam kurang memberi penekanan dalam aspek penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Kajian Kamarulzaman Abdul Ghani, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Shahrin Awaluddin (2002), dan Ab. Halim

Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaludin & Zamri Abdul Rahim,(2004) tentang guru pendidikan Islam dan subjek Bahasa Arab menunjukkan bahawa guru kurang memberi penekanan elemen penglibatan pelajar dalam proses PdP dan mereka banyak menggunakan kaedah berpusatkan guru. Zakaria (2011) juga telah menjalankan satu kajian tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. Kajian ini juga mendapati bahawa GPI kerap melaksanakan pendekatan berpusatkan pelajar semasa pengajaran mereka dan didapati banyak kelemahan dalam proses pelaksanaannya.

Kurangnya kepelbagaian aktiviti dalam pelaksanaan PdP juga menjadi faktor pengajaran yang dijalankan oleh GPI kurang berkesan dan tidak mencapai objektif pengajaran yang diharapkan. Hal tersebut bertepatan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Abd Halim Tamuri et.al (2004). Hasil kajian tersebut mendapati lima aktiviti yang paling kurang digunakan oleh Guru Pendidikan Islam walaupun aktiviti tersebut sebenarnya menarik minat pelajar dalam mengikuti proses pembelajaran. Antara aktiviti tersebut ialah aktiviti pembelajaran diluar bilik darjah yang menunjukkan nilai min hanya (min 1.61), menulis esei tentang Pendidikan Islam (min 1.60), membawa pelajar ke makmal computer (min 1.48), berlakon (min 1.43) dan akhbar dalam kelas ADD (min 1.30). Dapatan kajian di atas selari dengan hasil kajian yang telah dijalankan oleh Kamiz Alam & Mohammad Aman (2006) dan Maimun Aqsa (et al., 2011a: 2011b) di mana GPI masih lagi mengamalkan kaedah PdP secara tradisional dengan mengenyepikan kaedah pengajaran yang berbentuk praktikal kepada proses kreativiti, pembelajaran sebagai proses ingatan dan pembelajaran sebagai proses memperoleh maklumat.

Keberkesanan pengajaran GPI dikaitkan juga dengan daya kepimpinan dan sahsiah GPI yang melibatkan aspek contoh teladan, bimbingan dan sifat kasih sayang. Hasil kajian Masribanun Duki (2004) mendapati bahawa dalam aspek kepimpinan dan sahsiah GPI ianya berada pada tahap sederhana. Dalam kajian tersebut pengkaji telah meninjau tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti

keagamaan serta hubungannya dengan penilaian tahap kepimpinan GPI. Kajian ini berbentuk tinjauan yang melibatkan 140 orang responden yang dipilih secara rawak di 4 buah sekolah di daerah Kuala Selangor.

Faktor ketidak sediaan guru-guru merupakan punca pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan kurang berkesan. Guru GPI khususnya perlu bersedia membuat perubahan dengan membina dan membangunkan BBM yang pelbagai dan interaktif khususnya berasaskan teknologi (Siti Fatimah & Ab.Hlim, 2010; Stallard, 1988 dalam Yahya Othman & Roselan Baki, 2007). Kajian yang dijalankan oleh Mohd Izham & Noraini (2007) menjadi asas bahawa keberkesanan pengajaran banyak dipengaruhi dengan guru menjadikan sumber ICT dan BBM sebagai bahan sokongan dalam pengajaran. Dapatan kajian beliau mendapati bahawa 38 peratus daripada guru-guru bersetuju bahawa penggunaan ICT dapat mengubah gaya dan kaedah penyampaian PdP guru seterusnya memberi impak yang besar kepada keberkesanan pengajaran.

Kurangnya penekanan unsur kreativiti dalam proses pengajaran Pendidikan Islam menjadi asas kepada kurang keberkesanan pengajaran guru (Taat, 2011) Guru yang melaksanakan unsur kreativiti dalam pengajaran akan mewujudkan daya tarikan dan minat pelajar untuk memberi tumpuan, penglihatan dan perhatian mereka terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (Culling, 1995; Ferrari, Alamutka,& Punie, 2010). Daya Kreativiti yang ada pada guru dalam pengajaran juga akan membantu guru mempelbagaikan aktiviti, kaedah dan strategi seterusnya akan memberi kesan yang baik kepada corak pengajaran guru dibilik darjah (Abdullah Sani, 2003)

Merujuk kepada amalan pengajaran guru Pendidikan Islam yang kurang berkesan khususnya dalam bidang Tilawah al-Quran ia juga menjadi asas kepada permasalahan penguasaan al-Quran dalam kalangan pelajar. Hal tersebut dibuktikan melalui beberapa kajian yang telah dijalankan oleh Misnan Jemali (2008). Hasil

kajian yang beliau lakukan terhadap 1449 responden, didapati secara keseluruhannya penguasaan pelajar dalam bacaan al-Quran masih ditahap sederhana dengan peratus pencapaian sebanyak 63.9%. Beliau mengaitkan faktor keberkesanan pengajaran guru menjadi asas utama kepada kelemahan pelajar. Kajian yang dilakukan oleh beliau bertepatan dengan kajian yang telah dilakukan oleh Mohd Alwi et.al.(2003), Ab.Halim (2005) dan Ab.Halim et.al.(2006) menunjukkan bahawa kelemahan dalam pengajaran pendidikan Islam menyebabkan timbulnya masalah penguasaan pelajar dalam kemahiran membaca al-Quran. Kelemahan penguasaan Tilawah al-Quran pelajar akan terus wujud sehingga mereka menamatkan pengajian pada peringkat sekolah menengah sekiranya pengajaran Tilawah al-Quran di sekolah tidak diberi penekanan.

Berdasarkan permasalahan dan isu-isu yang dibincangkan, kajian terhadap guru Pendidikan Islam khasnya dalam pengajaran Tilawah al-Qur'an di bilik darjah perlu dijalankan agar dapat membantu dalam pengajaran al-Qur'an dari aspek pedagogi dengan lebih berkesan. Di samping itu kajian terhadap sahsiah guru pendidikan Islam perlu dilakukan dalam kajian ini untuk melihat kesepaduan sahsiah guru dengan pendekatan, kaedah dan teknik ilmu yang disampaikan dengan mudah, dan menjadi model kepada pelajar. Pengkaji melakukan kajian secara terperinci, untuk melihat sejauh mana amalan guru dalam pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Qur'an khasnya dari aspek set induksi, penggunaan ABM, objektif, kaedah pengajaran, penilaian pengajaran dan penutup serta sahsiah guru, telah dilaksanakan secara terancang mengikut kurikulum yang disediakan, menggunakan metodologi pengajaran yang betul, sebagaimana yang disarankan oleh jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

- i. Menenalpasti pengetahuan GPISABK berkaitan dengan Pengajaran Tilawah al-Quran yang berkesan.

- ii. Mengenal pasti amalan pengajaran GPISABK dalam Tilawah al-Quran dari aspek set induksi, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran, penggunaan BBM dan kaedah pengajaran kearah pengajaran berkesan.
- iii. Meninjau amalan sokongan yang mendorong keberkesanan pengajaran Tilawah al-Quran dalam kalangan GPISABK.
- iv. Menghasilkan model pengajaran Tilawah al-Quran yang berkesan berdasarkan dapatan kajian amalan pengajaran GPISABK.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Bagaimanakah pengetahuan GPISABK berkaitan dengan pengajaran Tilawah al-Quran yang berkesan.
- ii. Bagaimanakah amalan pengajaran GPISABK dalam Tilawah al-Quran dari aspek set induksi, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran, bahan bantu mengajar dan kaedah pengajaran ke arah pengajaran berkesan.
- iii. Apakah amalan sokongan yang mendorong keberkesanan pengajaran Tilawah al-Quran dalam kalangan GPISABK.
- iv. Bagaimanakah bentuk model pengajaran Tilawah al-Quran yang berkesan berdasarkan dapatan kajian amalan pengajaran GPISABK.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilakukan ini diharap dapat memberi sumbangan, rujukan dan panduan kepada warga pendidik khusus guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Melalui kajian ini, diharap guru-guru Pendidikan Islam khususnya dapat mengetahui kualiti yang sepatutnya ada dalam diri mereka dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pendidik Muslim yang cemerlang dan seterusnya berusaha meningkatkan kemajuan diri. Guru yang baik adalah guru yang sentiasa mahu mempertingkatkan diri dan melihat dimana

kelemahan diri untuk diperbaiki dari semasa ke semasa supaya matlamat melahirkan modal insan yang cemerlang dapat dicapai (Asariah Mior, 2009).

Kajian keberkesanan pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran ini juga boleh membantu Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya di samping itu, kajian ini juga dapat menjadi rujukan dan panduan kepada pihak bertanggungjawab melatih guru seperti Institusi Pendidikan Guru (IPG) dan universiti dalam merangka program yang mantap dan menyeluruh bagi menyediakan guru-guru yang cemerlang. Kajian ini juga memberi galakan kepada Bahagian Pendidikan Islam (BPI) dalam meningkatkan jumlah Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) di Malaysia. Guru Pendidikan Islam kekurangan pemangkin atau penggerak dalam menghasilkan kreativiti dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran mereka (Azizul Rahman, 2007). Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2010), hal ini berlaku juga berkait dengan jumlah Guru Cemerlang Pendidikan Islam yang sedikit sehingga mereka tidak mampu untuk menghasilkan pembaharuan dalam pengajaran dan pembelajaran mereka dengan kuantiti yang maksimum. Oleh itu, kajian ini dapat membantu pihak BPI dalam merangka kursus atau seminar yang menjurus ke arah membentuk GPI yang berkualiti dalam pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya dapat melahirkan ramai GCPI di Malaysia.

Guru Pendidikan Islam yang berkualiti dan berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran mereka juga dapat memberi impak yang positif kepada pelajar khususnya. Oleh itu, kajian ini dapat membantu pelajar dalam meningkatkan kefahaman dan penguasaan ilmu yang secukupnya melalui pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam yang berkualiti. Dapatan ini juga dapat memberi maklumat kepada penggubal kurikulum iaitu perancang dalam pendidikan termasuk Jabatan Pendidikan Negeri, Institut Pendidikan Guru samaada kerajaan ataupun swasta serta Kementerian Pelajaran Malaysia. Mereka perlu merancang program bagi menambahkan pengetahuan dan kemahiran guru supaya dapat menjalankan tugas dengan berkesan dan berkualiti. Di samping itu, kajian ini juga dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada mana-mana pihak dalam merangka

program yang mantap dan menyeluruh bagi menyediakan guru-guru yang berkualiti dari segi pengajarannya. Dengan adanya guru yang berkualiti ini, hasrat untuk melahirkan anak bangsa yang mempunyai nilai-nilai budaya dan akhlak yang mulia menuju wawasan 2020 akan tercapai.


Hasil dapatan kajian ini juga diharapkan dapat mengenalpasti punca-punca masalah yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam usaha mereka untuk meningkatkan kualiti dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Oleh itu, pihak pentadbir sebagai pembimbing dan penggerak kepada guru bersama-sama berusaha menangani permasalahan yang wujud dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini semua sangat penting bagi menghasilkan guru Pendidikan Islam berkualiti dalam pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya mencapai objektif untuk melahirkan pelajar yang berakhlak dan beramal soleh. Hasil kajian juga diharapkan dapat memberi gambaran serta maklumat yang jelas kepada pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan pejabat Pendidikan Daerah (PPD) berkaitan dengan keberkesanan pengajaran guru pendidikan Islam khususnya dalam Bidang Tilawah al-Quran dalam kalangan guru pendidikan Islam. Melalui kajian ini pihak terlibat boleh merangka dasar, kursus latihan dan sebagainya dalam usaha untuk meningkatkan tahap profesionalisme guru pendidikan Islam dalam bidang pengajaran.

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak Institut Pendidikan Guru (IPG) dalam merangka bentuk latihan yang lebih berkesan kepada bakal guru dalam aspek pedagogi yang melibatkan pendekatan, kaedah dan strategi pengajaran yang berkesan. Kajian ini juga memberi impak yang amat besar khususnya kepada guru pendidikan Islam dalam menilai dan mengukur sejauhmana kaedah pengajaran yang telah mereka jalankan dapat mencapai hasil pembelajaran yang sebenar. Kajian ini juga diharap dapat memberi gambaran dan maklumat kepada pengkaji-pengkaji lain yang berminat untuk mendalami dan meneroka kajian ini dalam skop yang bebez.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian yang dibina khusus bagi kajian ini bertujuan untuk menerangkan beberapa faktor yang berkaitan dengan keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Kerangka konsep ini adalah hasil daripada Model Pengajaran dan pembelajaran oleh al-Ghazali (1967). Model yang dipilih menjadi kerangka konseptual bersifat khusus dan dapat menunjukkan hubungan antara faktor-faktor yang terlibat secara langsung yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kepada murid dalam Tilawah al-Quran. Hubungan antara konsep dan teori yang terlibat di dalam keseluruhan penyelidikan ini digambarkan melalui Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Penyelidikan. Kajian ini bertitik tolak daripada amalan guru dalam pengajaran Tilawah al-Qur'an, serta melibatkan pengajaran guru Pendidikan Islam di bilik darjah. Pengkaji akan melihat amalan pengajaran guru dalam pengajaran Tilawah al-Qur'an di bilik darjah dari aspek pelaksanaan set induksi, penggunaan BBM, perkembangan pengajaran, kaedah pengajaran, dan aktiviti penutup pengajaran.


Bagi melihat amalan pengajaran dan pembelajaran guru dalam pengajaran tilawah al-Quran dibilik darjah pengkaji menjalankan kajian secara pemerhatian pengajaran guru di bilik darjah, mengadakan temubual dengan guru yang terlibat dalam pengajaran tersebut (kualitatif) dan meminta pelajar yang terlibat dalam pengajaran tersebut mengisi borang soal selidik (kuantitatif). Pemboleh ubah kajian ini, dari sudut guru dan amalan pengajaran; iaitu latar belakang guru; jantina, siswazah, bukan siswazah, pengalaman mengajar subjek Pendidikan Islam. Manakala pemboleh ubah yang lain pula ialah dari aspek amalan pengajaran dan pembelajaran guru di bilik darjah, iaitu; kaedah pengajaran yang berfokuskan kepadakaedah-kaedah yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu dari aspek; set induksi, BBM, objektif pengajaran, kaedah pengajaran, dan penutup. Disamping itu juga pengkaji akan menfokuskan sejauhmana elemen-elemen sampingan lain yang mendorong kearah keberkesanan dalam pengajaran Tilawah al-Quran diamalkan oleh GPISABK.



Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual Kajian Amalan Pengajaran Berkesan Tilawah al-Quran Dalam Kalanga GPI SABK.

1.8 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori kajian yang dibina dalam kajian ini berdasarkan kepada teori pengajaran berkesan menurut imam Al-Ghazali (t.th). Dengan pengubahsuaian kepada bentuk model ini pengkaji telah membina kerangka teori seperti dalam rajah 1.2 dibawah :



Rajah 1.2: Kerangka Teori Kajian Berasaskan al-Ghazali Pengajaran Dan Pembelajaran pendidikan Islam (1988). Sumber: al-Ghazali (1988), al-Ghazali (1992), al-Ghazali (2010)

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif yang ditriangulasikan dengan kajian kuantitatif. Pengumpulan data kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual sebagai alat utama mengumpul data. Data temubual ini disokong oleh data pemerhatian dan analisis dokumen. Kemudian data kualitatif ini ditriangulasikan pula dengan data kuantitatif yang dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik pelajar. Kajian ini di jalankan di Sekolah Menengah Agama (SABK) di negeri Kelantan. Ia sangat bersesuaian, kerana Kelantan antara negeri terawal di Malaysia yang menerima pengiktirafan kenaikan taraf sekolah agama kerajaan negeri kepada sekolah bantuan kerajaan.

Dari segi persampelan, populasi dan sampel yang digunakan dalam kajian ini dibataskan kepada pelajar tingkatan 4 yang mengikuti mata pelajaran Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di sekolah-sekolah menengah Agama (SABK) di negeri Kelantan. Pemilihan pelajar tingkatan empat dibuat berdasarkan tahap kematangan pelajar untuk memberi respon tentang konstruk-konstruk utama yang digunakan dalam kajian ini. Pelajar yang sedang belajar di tingkatan empat juga telah mengikuti mata pelajaran Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sekurang-kurangnya selama sembilan tahun dan diandaikan telah melalui sebahagian besar daripada komponen kurikulum Pendidikan Islam yang digunakan dalam kajian ini secara langsung atau tidak langsung. Kajian ini juga dijalankan membataskan amalan pengajaran tilawah Al-Qur'an dalam kalangan guru Pendidikan Islam SABK dalam aspek amalan pelaksanaan set induksi, penggunaan BBM, Perkembangan pengajaran dan penggunaan kaedah pengajaran. Disamping itu juga kajian hanya melihat sejauhmana faktor-faktor sampingan yang mendorong ke arah pengajaran berkesan guru GPI SABK serta penghasilan model pengajaran Tilawah al-Quran yang berkesan.

Batasan kajian ini hanya melibatkan pelajar tingkatan empat di lima buah sekolah menengah Agama (SABK) yang terpilih di negeri Kelantan. Kajian ini

melibatkan lima orang guru Pendidikan Islam yang terpilih untuk dilakukan senarai semak mengenai amalan pengajaran dalam Tilawah Al-Qur'an, disamping itu juga beberapa orang guru juga dipilih untuk dilakukan pencerapan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah untuk melihat amalan dan pelaksanaan pengajaran Tilawah al-Quran. Kesimpulannya kajian ini berasaskan kepada beberapa batasan seperti berikut:

1. Penyelidik mengkaji amalan pengajaran guru pendidikan Islam dalam pengajaran dari aspek tilawah Al-Qur'an dalam mata pelajaran Pendidikan Islam KBSM, di lima buah sekolah menengah Agama (SABK) di negeri Kelantan sahaja.
2. Penyelidik tidak mengkaji pelaksanaan mata pelajaran elektif Pendidikan Islam yang lain, iaitu Pendidikan Al-Qur'an dan al-Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah dan Tasawur Islam.
3. Kajian ini hanya melibatkan pelajar tingkatan 4 sahaja berkaitan pengajaran dan pembelajaran tilawah Al-Qur'an dalam subjek Pendidikan Islam KBSM.
4. Kajian ini mengkaji amalan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (di bilik darjah sahaja) dalam amalan pengajaran tilawah Al-Qur'an, Pendidikan Islam (KBSM) dari aspek persediaan, perkembangan pengajaran dan penutup.
5. Responden kajian ini dilakukan terdiri daripada 150 orang pelajar dan 5 orang guru Pendidikan Islam di sekolah menengah Agama (SABK) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia di negeri Kelantan sahaja. Sekolah-sekolah menengah swasta, negeri dan rakyat tidak dilibatkan dalam kajian ini.

1.10 Definisi Operasional

Kajian ini dijalankan beberapa teori dan konsep yang dirumuskan kepada beberapa definisi operasional seperti di bawah.

1.10.1 Amalan Pengajaran

Menurut Sharifah Alawiyah (1984) pengajaran ialah merupakan suatu aktiviti, kerana apabila mengajar akan berlakulah aktiviti seperti menyoal, menerangkan, mendengar, menggalakkan sesuatu dan berbagai aktiviti lain. Amalan pengajaran dapatlah dirumuskan sebagai satu proses pengajaran yang dilaksanakan sebagai suatu kebiasaan yang melibatkan kognitif, efektif dan psikomotor yang mempengaruhi seseorang itu bertindak, berfikir dan bergerak bebas mengikut situasi persekitaran pengajaran.

Bloom (1959) mendefinisikan pengajaran sebagai proses yang membawa perubahan kepada pembelajaran. Bagi Page dan Thomas (1978), pengajaran ialah suatu proses menyampaikan pengetahuan atau kemahiran kepada pihak lain. Fatimah (1986) pula menjelaskan pengajaran sebagai pengalaman kemahiran dan nilai pertumbuhan dan perkembangan seseorang pelajar secara sedar. Chambers English Dictionary (1988) pula menghuraikan suatu proses arahan, menunjuk dan menyampaikan pengetahuan. Penekanan kepada pengajaran yang sistematik sebenarnya telah disarankan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia sejak tahun 1990 lagi.

Amalan pengajaran dalam kajian ini adalah merujuk kepada pelaksanaan pengajaran di dalam kelas yang telah dijalankan oleh GPISABK. Amalan tersebut merangkumi pelaksanaan aspek set induksi, perkembangan pengajaran, penggunaan BBM, penutup dan penggunaan kaedah dalam pengajaran Tilawah al-Quran.

1.10.2 Amalan Pengajaran Berkesan

Ramai pengkaji (seperti Kemp & Hall, 2002; Taylor, Pearson, Clark, & Walpole, 2009) menyatakan keberkesanan pengajaran guru disebabkan amalan pengajaran

tertentu seperti mana berikut (a) prosedur pengajaran guru yang sistematik (Kemp & Hall, 2002), dan (b) berkorban masa tambahan untuk membantu murid dalam saiz kumpulan yang kecil (Taylor et al., 2009). Menurut Kemp dan Hall (2002), dan Taylor, Pearson, Clark, dan Walpole (2009) keberkesanan pengajaran sering dikaitkan dengan amalan pengajaran yang khusus. Misalnya, seorang guru cemerlang menjalankan sebuah pengajaran yang sistematik prosedurnya (Kemp & Hall, 2002) dan berkorban masa, tenaga dan idea untuk membantu sekumpulan murid yang memerlukan perkhidmatan (Taylor et al., 2009). Implikasinya, pencapaian murid meningkat (Porter, 2002). Clark (2003) pula memberikan pandangan yang hampir sama iaitu keberkesanan pengajaran melibatkan seseorang guru berupaya meningkatkan pengetahuan murid dan melebihi daripada kemampuan tersebut. Vogt (2004) pula mengaitkan keberkesanan pengajaran dengan kemampuan guru untuk menyediakan kelainan kaedah pengajaran kepada murid yang berlainan kemampuan tetapi masih berlandaskan objektif pengajaran. Tambah beliau lagi, selanjutnya guru akan menilai keberkesanan pembelajaran murid. Kajian Collins (2000) bertajuk “Teacher Assessment Project” menemui lima ciri utama keberkesanan pengajaran iaitu (a) guru memberikan komitmen tinggi terhadap murid dan pembelajaran mereka, (b) guru berpengetahuan tinggi mengenai isi kandungan pengajaran, (c) guru bertanggung jawab terhadap pengurusan diri murid, (d) guru berupaya untuk memikirkan kaedah pengajaran secara sistematik, dan (e) guru merupakan ahli dalam komuniti pembelajaran profesional.

Sementara itu, Swank, Taylor, Brandy, dan Freiberg (2009) telah menghasilkan sebuah model keberkesanan pengajaran yang dikaitkan dengan tindakan seseorang guru. Mereka berpandangan bahawa keberkesanan pengajaran bermaksud keupayaan guru meningkatkan kualiti soalan berkaitan akademik dan mengurangkan amalan pengajaran yang kurang bermanfaat misalnya maklum balas negatif mengenai guru dan soalan pada aras mudah. Kajian Wenglinsky (2013) pula menemui pengurusan bilik darjah adalah penting untuk pembelajaran murid dan kaedah pengajaran guru merupakan penyumbang kepada keberkesanan pembelajaran murid. Misalnya, amalan meningkatkan kemahiran berfikir murid dan melibatkan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara aktif. McLntyre (2009) mencadangkan kaedah pengajaran yang melibatkan empat

peringkat bagi murid bermasalah seperti mana berikut iaitu peringkat pertama lebih melibatkan guru dalam menguruskan murid bermasalah (a) lebih melibatkan murid bermasalah dengan aktiviti secara perseorangan bersama-sama jenis kumpulan mereka (b) mengurangkan tahap kesukaran untuk tugas yang diberi agar selaras dengan tahap kemampuan mereka, (c) menggunakan pelbagai alat bantu mengajar bagi mengurangkan pergantungan terhadap buku teks, (d) mereka bentuk aktiviti pengajaran berdasarkan minat mereka, (e) memberikan tugas yang sederhana panjang, (f) memastikan permulaan tugas yang diberi adalah mudah atau berkaitan dengan kehidupan seharian murid bagi menanam sikap minat murid terhadap pembelajaran, (g) sekiranya soalan guru tidak dapat dijawab oleh murid, guru seharusnya membantu, dan (h) menghargai murid sekiranya mereka berupaya menjawab soalan yang diajukan.

Menurut Bryan Coombs (2009), tiada satucara yang “betul” dalam kaedah pengajaran. Mengajar adalah merupakan satu cabaran kerana sekiranya hanya satu kaedah yang digunakan oleh guru, ianya boleh membosankan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Justeru itu, sebagai seorang pensyarah Pendidikan Islam, mereka hendaklah sentiasa memandang ke hadapan dan berfikir untuk mencari kaedah pengajaran yang berlainan, yang mutakhir agar hasil pembelajaran dapat dicapai sebagaimana yang digariskan. Mereka juga hendaklah sentiasa mencari kaedah pengajaran yang terkini dan sesuai dengan para pelajar agar proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah berkesan dan dapat mencapai hasil pembelajaran. Begitu juga, sewajarnya mereka membuat analisis bagi setiap kaedah pengajaran yang digunakan sekarang dan kaedah yang terkini (diperolehi melalui pembacaan atau inovasi) dari segi kekuatan dan kesesuaian dengan pengetahuan, latar belakang, sikap, minat, serta kebolehan pelajar mereka. Ianya selaras dengan pendapat Rosie Turner-Bisset (2009), iaitu bahawa guru hendaklah menggunakan kaedah mengajar yang boleh mengekalkan momentum kerja pelajar; manakala Yvonne Bender (2008) berpendapat bahawa guru sewajarnya merangsang pelajar untuk bekerjasama dalam aktiviti kumpulan. Menurut (Stringer dan Irwing 1998) pengajaran pula dikatakan sebagai berkesan sekiranya terdapat peningkatan prestasi pelajar secara konsisten dengan matlamat pengajaran selepas sesuatu tempoh pengajaran.

Menurut pengkaji amalan pengajaran berkesan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pelaksanaan pengajaran yang mengambil kira dua aspek utama iaitu penglibatan guru dan pelajar. Penglibatan pelajar secara menyeluruh dan aktif merupakan asas ukuran keberkesanan pengajaran manakala aspek guru pula ialah berkait rapat dengan pengamalan yang maksimum dalam menggunakan kaedah dan sumber-sumber pengajaran yang menarik dan sesuai.

1.10.3 Amalan Pengajaran Tilawah al-Quran

Amalan pengajaran Tilawah al-Quran dalam konteks kajian ini ialah berhubungkait dengan amalan pengajaran tilawah al-Quran guru Pendidikan Islam SABK dalam aspek pelaksanaan Set Induksi, perkembangan pengajaran dan penutup serta kaedah pengajaran yang dijalankan. Amalan pengajaran Tilawah al-Quran juga dikaitkan dengan Penggunaan BBM, penilaian pengajaran serta sahsiah GPISABK.

1.10.4 Guru Pendidikan Islam (SABK)

Guru Pendidikan Islam juga dinamakan sebagai *mudarris*, iaitu daripada kata dasar *darasa* yang bererti melatih dan mempelajari, iaitu orang yang berusaha membangunkan diri pelajar dari aspek ilmu, latihan dan keterampilan berdasarkan potensi, minat dan bakat yang sedia ada pada pelajar. Selain itu guru agama disebut sebagai *muadib* dari kata dasar *adab*, iaitu guru adalah orang yang beradab dan guru juga berperanan membangunkan peradaban (civilization) yang berkualiti (Ramayulis 2000).

Guru Pendidikan Islam pula menurut Muhaimin (2003) mempunyai beberapa istilah, antaranya disebut sebagai *ustaz* iaitu seseorang yang dituntut untuk memberikan komitmen terhadap kerjayanya di mana selalu memperbaiki dan memperbaharui model pengajaran sesuai dengan tuntutan zaman. Selain itu dinamakan sebagai *mualim*, dari kata dasar *‘ilm* iaitu guru yang mampu menjelaskan hakikat atau maksud ilmu yang diajar. Guru agama juga dinamakan

sebagai *murabbi* daripada kata dasar *rabb* bererti mencipta mengatur, dan memelihara. Ini dapatlah diertikan bahawa peranan guru ialah mendidik pelajar berdasarkan potensi yang sedia ada pada mereka, agar mampu berdikari dan tidak menimbulkan masalah kepada diri, masyarakat dan alam sekitar. *Mursyid* pula ialah guru sebagai pendidik sentiasa berusaha menerapkan akhlak atau peribadi yang mulia kepada pelajar berdasarkan ilmu yang dipelajari.

Pengertian pendidikan Islam menurut H. Abuddin (1998) ialah “pendidikan yang berdasarkan dengan ajaran Islam dengan penetapan kepada ciri-cirinya”. Manakala Ahmad D. Marimba (1980) pula mendefinisikan dengan maksud “bimbingan jasmani dan rohani berdasarkan hukum-hukum agama islam menuju kepada terbentuknya kepribadian utama menurut ukuran-ukuran Islam”. Ensikloepdia Dunia (2005) pula menjelaskan bahawa pendidikan Islam ialah pembinaan sahsiah masyarakat Islam yang mencakupi pendidikan seimbang dari segi rohani dan jasmani. Di samping itu, ia juga menekankan sejauh mana kejayaan seseorang dalam melaksanakan tanggungjawab. Pendidikan Islam juga memberi jaminan kebahagiaan hidup seseorang di dunia dan di akhirat.

Dalam konteks kajian ini guru pendidikan Islam yang dimaksudkan ialah guru pendidikan Islam yang mengajar di SABK. Secara asasnya GPISABK merupakan guru pendidikan Islam dari sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia yang berjawatan tetap. Sebahagian daripada GPI yang terpilih dari sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia ini telah diserapkan kebeberapa sekolah SABK terpilih bertujuan untuk menaiktaraf kecemerlangan akademik di sekolah-sekolah SABK tersebut.

1.10.5 Bidang Tilawah Al-Qur'an

Tilawah Al-Qur'an dalam kajian ini merujuk kepada pengajaran dan pembelajaran tilawah Al-Qur'an, Pendidikan Islam (KBSM), yang telah didefinisikan oleh Jabatan

Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia. Objektif dalam pengajaran dan pembelajaran tilawah Al- Qur'an di sekolah iaitu; menekankan kemahiran membaca (*tilawah Al-Qur'an*), memahami Al-Qur'an (*tafsir Al-Qur'an*), dan menghafaz Al-Qur'an (*Tahfiz Al-Qur'an*), mengeluarkan hukum-hukum tajwid, menghuraikan maksud ayat Al-Qur'an, menghayati dan mengambil pengajaran dari sesuatu ayat yang dibaca (KPM., DBP.2003).

1.11 Penutup

Keberkesanan proses pengajaran dalam proses PdP merupakan aspek yang sangat penting dalam sistem pendidikan. Bagi tujuan melahirkan pengajaran guru yang berkesan maka fokus sepenuhnya perlulah diberikan oleh guru terhadap proses pengajaran serta faktor-faktor yang mendorong kearahnya. Disamping itu juga bagi mempertingkatkan dan memperhebatkan usaha-usaha kearah amalan pengajaran yang berkesan daya kreativiti guru yang dapat menggunakan segala kebolehan dan kemahiran dalam menyampaikan isi pelajaran adalah sesuatu yang perlu diberi keutamaan. Bagi tujuan tersebut kajian berhubung isu proses pengajaran perlu diperhalusi agar ia menjanjikan keberkesanan pendidikan semasa melalui falsafahnya untuk melahirkan generasi seimbang yang cemerlang dalam akademik dan pembangunan insan.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'alim. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 2(1)
- Ab. Halim Tamuri, Mohd Izham Hamzah, dan Masribanun Duki. (2007). Penilaian Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Amalan Kepimpinan Guru Pendidikan Islam. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan*. 1(2)
- Ab. Rahman (2000). *Komunikasi Bilik Kuliah*. Kelantan: Jurnal Akademik, Maktab Perguruan Kota Bharu, Pengkalan Chepa. Vol. 120.
- Abd Aziz Mahayudin (2012), Tahap Penguasaan Pengetahuan Pengajaran Guru Pelatih Pendidikan Islam Di Institut Pendidikan Guru, Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012 pada 3 - 6 Julai 2012, Royale Bintang Seremban, Negeri Sembilan.
- Abdul Ghafar Mohammad (2003). *Prinsip dan Amalan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Hayei Abdul Sukur. (1981). *Pengajian al-Quran sebagai asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur :Utusan Qiblat, Utusan Melayu (Malaysia)Sdn Bhd
- Abdul Jawad Syed Bakr. (1983). *Falsafah at-tarbiyyah al-Islamiyyah fi al-Hadith as-Syarif*. Darul Fikri al-Arabi
- Abdul Malek. (2003). *Keberkesanan kaedah graf dalam pengajaran dan PembelajaranTilawah al-Quran*, Projek Penyelidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, (2005). *Panduan pengucapan awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- Abdul Qadir Ahmad. (1980). *Turuqu ta'lim at-tarbiyyah al-Islamiyyah, al-misyriyyah*: Maktabah al-Nahdah
- Abdul Salam Yusoff. (2010). *Idea-idea pendidikan berkesan al-Ghazali & Konfusi* Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd.

- Abdull Sukor Shaari. (2008). *Guru Berkesan: Petua dan Panduan*. Sintok, Kedah: Penerbit UUM [Universiti Utara Malaysia].
- Abdullah Al-Amin Al-Na'miy. (1994). *Kaedah dan teknik pengajaran menurut ibn Khaldun dan al-Qubisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan dan Ainon (2000). *Komunikasi Untuk Pensyarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn.Bhd.
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abu Ghuddah, Abdul Fatah (2001). *Rasul muallim waasalibuhu fi ta'lim*. Kaherah: Maktabah Islamiah Halab.
- Abu Saleh (1998). *Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Ahmad Mohd Salleh (1997). *Pendidikan Islam Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti .
- Ahmad Mohd Salleh. (2010). *Pengajian Agama Islam dan j-QAF: Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*, Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd
- Ahmad Soenarto (1988.) *Pelajaran Tajwid Praktis dan lengkap*. Jakarta: penerbit Bintang Terang .
- Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. (t.th). *Ihya' 'ulum al-din*. Jil. 1-5. Misr: al-Maktabah al-Taufiqiyyah.
- Al.Ghazali,al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali (1977). *Keajaiban Hati*. Singapore: Pustaka Nasional Pte.Ltd.
- Al-Ghazali al-imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali.(1988). *Ihya' Ulumudin jiwa Agama*. Terj.Tk. Hj Ismail Yaakub S.h Kuala Lumpur: Victory Agensi.
- Ali Ibn Muhammad Alial-Jarjani (1938). *al-Tarifat*, Qahirah: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Jamali. Muhammad Fadhil. (1972). *Nahwa tauhid al-fikri al-tarbawi fil alam al-Islami*. Dar At-Tunisiyyah li An-Nashri
- Al-Nahlawi, Abdul Rahman (1988). *Usul al-tarbiyah al-Islamiyah wa asalibuha*.Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Nashmy, Ajil Jasim (1980). *Ma'alim fi Tarbiyah*. Kuwait: Maktabah al-Manar.
- Al-Sadan, Ibrahim. A (1999). The pedagogy of the prophet. *Muslim Education Quarterly*. Vol 16(2).The Islamic Academy, Cambridge. United Kingdom.
- Asa'ad Human (1997), *Iqra cara cepat belajar al-Quran*. Petaling Jaya: Realbil Sdn.

- Ashaari, Omardin (1999). *Pengajaran Kreatif untuk Pembelajaran Aktif*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Atan Long(1982), *Pedagogji Kaedah Am Mengajar*, Kuala Lumpur penerbit fajar bakti
- Azhar Ahmad (2006). Strategi pembelajaran pengaturan sendiri Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah. Tesis PhD, Pendidikan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, dan Abdul Rahim (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis, dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Publishing Sdn. Bhd. Halaman. 15.
- Azman Ali (1998). *Perdidikanan Malaysia: Acuan Melahirkan Pensyarah Bestari*. Jurnal Pendidikan. Issue: Vol. 17.
- Babbie, E. (1990). *Survey research methods* (2nd Ed.). Belmont, CA: Wadsworth.
- Bates, A.W. (1984). Putting it together: Now and the future. In A.W.Bates (ed) *TheRole of Technology in Distance Education*. London: Croom Helm.
- Batinsky dan Hodgkinson (1999). *Child protection Training in Intial Teacher Training: A Survey of production Institution of Higher education*, education Research
- Bazeley P (2007) *Sharpen Your Team's Skill in Creativity*. London : McGraw-hill
- Bender, Yvonne (2008). *Keberkesanan dalam Pengajaran secara Positif: 35 Strategi Berkesan untuk Penglibatan Pelajar secara Aktif dan Bersemangat di dalam Kelas*. Selangor:
- Wisdom Blandford, S. (2004). *Panduan pengurus peringkat pertengahan di sekolah.*(Terj. Bahariah Yusuf).Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. Bloom, B.S. (1956). *Taxonomyucation objectives. Handbook 1, Cognitive Domain*. New York: Longmans and Co.
- Bogdan, R.C. & Miklen, S.K. (2003). *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods*. Boston: Allyn&Bacon.
- Brophy, J. E. (2003). Research on the self-fulfilling prophecy and teacher expectations, *Journal of Educational Psychology*, 75, 631-661.
- Brophy, J. E. (2006). *Teaching problem students*. New York, NY: The Guilford Press.
- Bye, D., Pushkar, D. and Conway, M. (2007). Motivation, Interest and Positive Affect in Traditional and NonTraditional Undergraduate Students.

Adult Education Quarterly. 57(2)

- Chua Yan Piaw. (2006a). *Kaedah penyelidikan buku 1*. Kuala Lumpur : MCGraw- Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Clark, D. (2003). *Teacher evaluation: A review of the literature with implications for educators*. Kertas kerja dibentangkan dalam Effective Teacher Seminar di California State University, Long Beach pada 2 Jun, 2003.
- Cohen, L.; Manion, L.; & Morrison, K. (2000). *Research methods in education*. Fi Edition. London: Routledge Falmer.
- Collins, A. (2000). *Transforming the assessment of teachers: Notes on a theory of assessment for the 21st century*. Kertas kerja dibentangkan dalam mesyuarat tahunan National Catholic Education Association, Boston, MA, pada 3 Mac,2000.
- Coombs, Bryan. (2009). *Mengajar secara Efektif*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, Terjemahan oleh Siti Aishah Mohd Elias.
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Method Approaches* (2nd Ed.). London: SAGE Publications Ltd.
- Dill, D. D. (1990). *What teachers need to know: the knowledge, skills and values essential to good teaching*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Eggen, P.D. & Kauchak, D.P. (2012). *Strategies and models for teachers: Teaching content and thinking skill* (6th ed.) Boston, MA: Allyn & Bacon
- Elliot, S.N., Kratochwill, T.R., Cook, J.L., & Travers, J.F. (2000). *Educational Psychology*. Ed. ke3. McGraw Hill Book Co:Singapore.
- Fatimah Hamidon (1986). *Teaching- its role in human development*. Seminar on higher education: arevelation. Universiti Islam Antarabangsa. 4-5 Januari
- Fidler, B. (2004). *Merancang kemajuan sekolah* (Terj.Abd.Aziz Abd.Rahman) Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Fraenkel J.R. and Wallen N.E. (2009). *How to Design and Evaluate Research in Education* (7th Ed.). New York : McGraw Hill Higher Education,
- Gardner, H. (2006). *Changing Minds*. Boston: Harvard Bussiness School.
- Geoff Payne and Judy Payne (2004). *Key Concepts in Social Research*. London : SAGE Publications.
- Glesne,C. (1999). *Becoming Qualitative Researchers*. 2nd.Edition .New York, Longman.

- Hasan Langgulung (1981). *Beberapa tinjauan dalam pendidikan Islam*. Kuala Lumpur:Pustaka Antara.
- Hassan Langgulung. (1987) *Asas-asas Pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka Al-Husna
- Heinich, R., Molenda, M., Russell, J.D., & Smaldino, S.E. (2002). *Instructional media and technologies for learning*. Ed. ke7. Columbus: Merrill PrenticeHall.
- Highet, Gilbert. (1964). *The Art of Teaching*. London: Oxford University Press.
- Hill, F. M. (2005). Managing service quality in higher education: the role of the student as primary consumer, *Quality Assurance in Education*, 3, 10-21.
- Ibnu Khaldun. (2009). *Mukaddimah*. Terj. DBP. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Mohammad Hamm(2012) Islamic Perspective Of Education and teachers.European Journal of Social Sciences 30 (2)
- Isa, Yaakub (1996). *Almanak Pendidikan*. Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Ismail, A.G.H. (1992). Face to Face and Distance Learning in Sri Lanka: Contradictory or Complementary. *Paper presented at The Annual Conference of the Asian Association of Open Universities*, September 17-18, 1991 Colombo, Sri Lanka. 1-8.
- Jack. D. (2012). *Didik hibur*. Dilayari pada 15September 2012 dari laman web<http://www.slideshare.net/DeenJack/didik-hibur#btnNext>
- Jamaludin Ridhuan (2000) *Kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn.Bhd.
- Jauhara Hj.Tak (1995) *Penyelesaian Masalah Dan pemikiran Kreatif Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Johnson,B.dan Christinsen, L. (2000). *Educational Research: Qualitative and Quantitative Approaches*. Needham Heights , MA: Allyn dan Bacon
- Kallison, (1986). Effect of lesson organization achievement. *American Educational Research Journal*, 23, 337-347.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah. UKM:

Fakulti Pendidikan.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Standard Guru Malaysia. Dimuat turun daripada <http://www.moe.gov.my/sgm/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2002) *Huraian sukatan pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 4, KBSM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2003) *Buku panduan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam*. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- Kementerian Pendidikan Malaysia.(2002). *Huraian sukatan pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 4, KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kemp, L., & Hall, A. (2002). *Impact of effective teaching research on student achievement and teacher performance: Equity and access implications for quality education*. Jackson, MS: Jackson State University Press. ERIC Document Reproduction Service No. ED 348360.
- King, G, Keohane, R.O. and Verba,S.(1994). "*Designing Social Inquiry: Scientific Inference in Qualitative Research*" Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Kline, T. (2005). *Psychological Testing: A Practical Approach To design & Evaluation*. Thousand Oaks. California: Sage Publication.
- Kumar, R. (2005). *Research Methodology: A Step-by-Step Guide for Beginners*. New Delhi: SAGE Publications
- Laurillard, D. (1993). *Rethinking university teaching: A framework for the effective use of educational technology*. London : Routledge.
- Leming, J.S. (1997). "Whiter Goes Character Education? Objectives, Pedagogy and Research in Education programs". Dalam *Journal of Education*, Vol. 179 No.2.
- Lorio, D.C.K (2005) *Measurement in Health Behavior.Methods for Research and Evaluation*. United State of Amerika: Jossey-Bass A Willey Imprint.
- M. Abdel Haleem. (2002). *The prophet Muhammad as a teacher: Implications for hadith literature*.The Islamic Quarterly XL 6(2): 121-137
- Mahathir Mohamad. (1991). *Malaysia melangkah ke hadapan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mahmood Shaltut. (1972). *Al-Islam aqidah wa shariah*. Daru Ashuruq

- Maimunah Ismail (1995). *Kemahiran membaca al-Quran dalam kalangan murid Tingkatan satu di sebuah sekolah di daerah Gombak: satu kajian ke* , Tesis Sarjana Universiti Malaya .
- Marohaini Yusof (2001). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian* Penerbit Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- McLntyre, A. (2008). Functional assessment of behavior and effective supports for young children with challenging behaviours. *Assessment for Effective Intervention*, 27(4), 35-47.
- Meyers, C.&T.Jones (1993).*Promoting Active Learning: Strategies for the College Classroom*. San Francisco. Jossey-Bass.
- Miles,M.B,& Huberman,A.M.(1994). *Qualitative Data Analysis*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Mohamad Abu Daud. (1992). *Tugas dan masalah guru dalam mengendalikan kurikulum Sekolah*, Disertasi Sarjana Pendidikan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohammad Johdi Hj Salleh (2009). Guru Efektif dan Peranan Guru dalam Mencapai Objektif Persekolahan Sekolah Rendah: Perspektif Guru Besar.*Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang*.
- Mohammad Naim (2003). *Pencapaian Tilawah al-Quran melalui kaedah Iqra' di sekolah-sekolah Rendah kebangsaan Daerah Setiu , Terangganu* . Projek Sarjana Pendidikan . Universiti Kebangsaan Malaysia .
- Mohammad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*.1st Edition. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Alwi Yusuff dan rakan-rakan (2003). *Keberkesanan Iqra' segai kaedah pembelajaran membaca al-Quran* . kertas Kerja yang dibentangkan di seminar kaedah pengajaran dan Tahfiz al-Quran peringkat kebangsaan Anjuran KUIM di MPAJ. Pada 7 Mei 2003
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan: Soal Selidik Pendidikan* Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Yakub @ Zulkifli Hj. Mohd Yusof dan Saidi Mohd. (2008). Keupayaan Bacaan al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat: Kajian di Beberapa Buah Sekolah menengah Terpilih di Negeri Terangganu. *AL-BAYAN*

Journal of al-Quran dan al-Hadis. 6

- Mohd Yusuf Ahmad (1997) *Laporan kajian penguasaan Tilawah al-Quran Dalam kalangan murid sekolah menengah untuk IRPA* . Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Univesiti Malaya .
- Mohd.Yusuf Ahmad. (2000) *Sejarah dan kaedah pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Mook Soon Sang. (2000). *Psikologi pendidikan*. Subang jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Muhammad Hasan Abdul Rahman. (2000). *Media Pengajaran Penghasilan Bahan Pengajaran Berkesan*. Serdang: Terbitan Universiti Putra Malaysia.
- Neuman, W.L. (2000). *“Social Research Methods : Qualitative and Quantitative Approaches.”*Needhman Heights, MA : Allyn and Bacon.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). Penguasaan Jawi dan Hubungannya Dengan Minat dan Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan. 22:*
- Norliza Abd. Majid. (2011). Kemahiran komunikasi dan motivasi kerja dalam kalangan guru cemerlang. Tesis Ph.D. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Nurizam Mat Saad. (2002). Kesan dan pengaruh iklim sekolah terhadap masalah disiplin pelajar. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Onwuegbuzie, A. J., & Collins, K. M. T. (2007). A typology of mixed methods sampling designs in social science research. *The Qualitative Report, 12*(2)
- Page, G. Terry,J.B. Thomas dan A.R. Marshall. (1977). *,international dictionary of education*. London: Kogan Page.
- Patton, M.Q.(1990). *Qualitative Evaluation Methods. 2nd Edition*, Thousand oaks.\, California:Sage.
- Pope, C., Ziebland, S., & Mays, N. (2000). Analysing qualitative data. *British Medical Journal 320*
- Porter, A. C. (2002). Measuring the content of instruction: Uses in research and practice. *Educational Researcher, 31*(7), 3-14.
- Prakash, V. (2004) Validity and reliability of confirmation of expectations paradigm. *Journal of the Academy of Marketing Science, 12*, 63-76.
- QasimAhmad. (1998). Pengajaran dan pembelajaran: Komponen penting kurikulum, seminar kualiti pengajaran dan pembelajaran, sekolah dan

- pentadbiran social, Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu, Sabah.
- Ragin, C.C. (1994) "*Constructing Social Research*" Thousand Oaks, CA: Pine Forge Press.
- Rahil Mahyuddin, Habibah Elias dan Kamariah Abu Bakar. (1997). *Pedagogi 2: Pelaksanaan Pengajaran*. Selangor: Logman.
- Ramayulis (2005) *Metodologi Pendidikan Islam*. Jakarta: Kalam Mulia.
- Robiah Sidin. (1998). *Pemikiran dalam Pendidikan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Rodney, L.C. (1997). *Assessing Tech Prep Implementation*, Journal of Vocational and Technical Education, Vol 3, No. 2.
- Rohana Yusof. (2003). *Penyelidikan sains sosial*. Bentong: PTS Publication Distributors Sdn.Bhd.
- Rothbauer P.M. (2008). Triangulation. In Given L.M. (ed) (2008). *The SAGE Encyclopedia of Qualitative Research Methods*. Los Angeles : SAGE Publication. Vol. 2. Page. 892-894.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson prentice Hall.
- Samalonis, B.L. (1970). *Methods and Materials For Today's High School*. New York: Van Nostrand Reinhold company.
- Samsudin Wahab (2006). *Belajar berucap*. Bentong, Pahang: PTS Profesional Publising Sdn Bhd
- Schreiber J.B. (2008). Pilot Study. In In Given L.M. (ed) (2008). *The SAGE Encyclopedia of Qualitative Research Methods*. Los Angeles : SAGE Publication. Vol. 2..
- Sekaran, U. (1992). *Research methods in social relations*. New York: Halt, Renahalt & Weston. Inc.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd. Zohir Ahmad. (2007). *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Shahabuddin, Rohizani & Mohd Zohir. (2003). *Pedagogi: strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. Shah Alam: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Sharifah Alawiyah Alsagoff (1994). *Ilmu pendidikan pedagogi*. Kuala Lumpur: Heiemann Asia.

- Sharifah Alwiah Alsagoff (1983). *Ilmu Pendidikan: Pedagogi*, Kuala Lumpur: Heinemanneducational books (Asia) Lid
- Sharil@Charil. (2004). *Amalan pengajaran yang berkesan: Kajian di beberapa sekolah menengah Persekutuan dan Selangor*. *Jurnal Pendidikan*, 24.
- Shulman, L. (1987). Knowledge and teaching: Foundation of new reform. *Harvard Educational Review*, 57(1):1-22.
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid. (2008). *Peluang dan Cabaran Pendidikan dalam Kalangan Masyarakat Luar Bandar: Satu Kajian Kes Isi Rumah Melayu Miskin di Jajahan Bachok Kelantan*. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia
- Slavin, R. (1994). A theory of school and classroom organization. Dalam R. Slavin, (Ed.), *School and Classroom Organization*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Steele, C. (2002). Race and the schooling of black Americans. Dalam E. Krupat (Ed.) *Psychology is Social: Readings and conversations in social psychology*. New York, NY: Harper Collins.
- Stringer, M. & Irwing, P. (1998). Students' evaluations of teaching effectiveness: A structural modelling approach. *British Journal of Educational Psychology*, 68: 409-426.
- Suhaimi Muhamad. (2007). *Tahap Kesiapan Guru Terhadap Pelaksanaan Modul Pengajaran Simulasi Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Swank, P. R., Taylor, R. D., Brady, M. P., & Freiberg, H. J. (2009). Sensitivity of classroom observation systems: Measuring teacher effectiveness. *Journal of Experimental Education*, 57, 171-186.
- Syahruman Zaini (1982). *Kewajipan orang beriman terhadap al-Quran*. Surabaya: Al-Ikhlas
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab Halim Tamuri, Isahak Othman, Mohd Sabri Mamat (2008). *Profil Guru Pendidikan Islam – Satu Kajian di MRSM, Seminar Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial*. Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- Taylor, B. M., Pearson, D., Clark, K., & Walpole, S. (2009). Effective schools, accomplished teachers. *ReadingTeacher*, 53(2), 156-159.
- Taylor, S.J. & Bogdan, R. (1984). *Introduce to qualitative research methods search for meanings*. New York: Joluiley and Sons.

- Tengku Sarina Tengku Kassim & Faridah Che Husain. (2008). *Jurnal Usuluddin*, Bil 27 [2008] 141-156
- Thorne, M., & Cuthbert, R. (2006) *Autonomy, bureaucracy and competition: The ABC of control in higher education* Dalam R. Cuthbert (Penyt.), *Working in Higher Education*. Buckingham: Society for Research into Higher Education and Open University Press.
- Tickle, I. (2000) *Teacher Induction: The way ahead*. Buckingham. Open University Press.
- Tousignant, M., & D. Siedentop. (1983). A qualitative analysis of task structures in required secondary education classes. *Journal of teaching in physical education*. 3 (1), 47 - 58.
- Turner-Bisset, Rosie. (2009). *Pengajaran Pakar*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, Terjemahan Mohd Fauzi Yaacob.
- Vogt, W. (2004). Developing a teacher evaluation system. *Spectrum*, 2(1), 41-46.
- Wallen N.E. and Fraenkel J.R. (2001). *Educational Research : a Guide to the Process* (2nd Ed.).New Jersey : Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Wan Bakar Wan Dagang. (1990). *Pengajaran dan pendidikan al-Quran dalam kurikulum baru sekolah rendah (KBSR)*. Jurnal Pendidikan Islam.
- Wan Mohd Zaid Mohd Nordin (1995.) *wawasan pendidikan agenda pengisian*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise
- Wan Salim Wan Mohd Nor. (1988) *Seminar al-Quran: Penghayatan di Malaysia*, m.s. 67
- Weinberg, S. L. (2000). Making general principles come alive in the classroom using an active case studies approach. *Journal of Statistics Education*, 8(2), 21-39
- William Wiersma (2000). *Research Methods in Education: An Pearson Education Company*.
- Winfrey J. supervisors K. (1884) *Research as an area of renewal for counselors educators and*. *Measurement and Evaluation in Counseling and Development* .
- Yahya Othman & Dayang Raini Pakar (2011). Kesan perisian cerita interaktif semasa mengajarkan kemahiran bacaan dan kefahaman dalam kalangan pelajar tahun 4 di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1

(1): 27-49.

- Yin ,Robert K. (1994). *Case study Research: Design and Method* (2nd ed.) Thousand Oaks, CA:Sage.
- Yin R.K. (2003). *Case Study Research: Design and Methods* (3rdEd.). Newbury Park: SAGE Publications.
- Yong, L. M. S dan Biraimah, K. L (1996). *Guru yang Kreatif (Cetakan Pertama)*. Arena buku Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.
- Zailah Zainudin. (2012). *Didik Hibur*. IPG Kampus Raja Melewar Dilayari pada 15 Mei 2012 dari laman web: http://kssr.bpk.my/berita/didik_hibur.
- Zakaria, A. (2011). Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia.Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zamri Mahamod, Md. Yusoff Daud & N Suriya N Mustapha. (2004). *Penggunaan strategi Pembelajaran Biologi dikalangan pelajar Tingkatan 4*. Proceedings of National Conference on Science and Mathematics Education Innovations for Excellence 1-17.
- Zawati Awang. (2010). Pengajaran Komponen Adab dan Islamiah dalam Pendidikan Islam Tingkatan Empat. Tesis Master: Universiti Malaya.
- Zeithaml, V., Berry, L. & Parasuraman, A. (2003). The nature and determinants of customer expectations of service. *Journal of The Academy of Marketing Science*, 21, 1-12.